

08/12/2000

Pensyarah kanan UM pertahan sindrom merintah

Pensyarah Kanan UM

PSIKOLOGI perjuangan menuntut setiap individu untuk menjadi gagah, berani dan gigih dalam memperjuangkan sesuatu yang besar mengikut ukuran sejarah peradaban. Pejuang juga bijaksana dalam mengatur strategi walaupun memerlukan masa yang lama.

Tamadun tidak dapat berdiri di atas asas individu yang suka merintah, suka mencari salah dan berada dalam keselesaan atau status-quo, sebaliknya tamadun gemilang boleh dicapai melalui perjuangan.

Kenyataan saya ini adalah untuk memberi reaksi kepada beberapa ulasan orang ramai atau pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), terutama kepada 'Anak Melayu dari Subang Jaya' yang mengulas tulisan saya sebelum ini, mengenai Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) dan tesis 'Orang Melayu khususnya pelajar Melayu di IPT menghidap sindrom suka merintah'.

Saya masih lagi mempertahankan kenyataan saya sebelum ini bahawa pelajar Melayu dan rata-rata orang Melayu menghidap sindrom suka merintah.

Malah, melalui pergaulan saya dengan pelajar universiti, jelas terpancar sikap suka merintah dan mengomel.

Lihatlah contoh orang Yahudi. Mereka mempunyai semangat keYahudian yang sangat tinggi. Mereka bukanlah secara automatik menjadi bangsa yang digeruni sehingga ke hari ini kerana suka merintah tetapi mereka menjadi kuat kerana ilmu, ekonomi dan akhirnya memiliki kuasa.

Sejarah menyaksikan mereka pernah dihina, diburukkan dan dihilangkan negaranya tetapi atas semangat, keringat dan air mata darah, mereka terus berjuang - belajar ilmu bersungguh-sungguh, lantas mencipta pelbagai teknologi sehingga mampu menguasai pemikiran orang lain.

Bukan hasrat saya untuk meminta orang Melayu meniru secara totok bangsa Yahudi, tetapi apa salahnya kita meniru kegigihan dan kesungguhan serta strategi orang Yahudi.

Dengan kaedah itu, kita akan menjadi bangsa yang berjiwa besar dan akhirnya menjadi penyumbang kepada peradaban.

Jika kita berfikir bahawa orang Melayu atau Bumiputera di negara ini adalah sangat kecil bilangannya, iaitu kira-kira 14 juta berbanding penduduk dunia yang berjumlah enam bilion, mustahil kita menjadi bangsa yang kuat, maka ini petanda kita masih berjiwa kecil.

Bilangan rakyat bukan penentu mutlak kepada kejayaan dan kekuatan bangsa. Bangsa Yahudi yang berjumlah kira-kira lapan juta orang boleh menentukan atau membentuk dasar Amerika Syarikat, sekali gus menakluk seluruh dunia.

Siapa lagi harapan kita untuk menjadi pemangkin peradaban kalau bukan pelajar (saya masih lagi enggan menggunakan perkataan mahasiswa kepada mereka) atau generasi muda hari ini.

Sebagai seorang yang sudah berusia, saya mengharapkan generasi hari ini supaya terus mewarisi semangat untuk memegang 'khilafah' atau pemerintah di dunia hari ini sebagaimana yang ditugaskan kepada setiap kita dan tercatat dalam kitab suci kita.

Sekarang, jawatan pemerintah atau khilafah menjadi milik Yahudi kerana mereka menguasai seluruh kuasa dan kekuatan ekonomi.

Sehubungan itu, pelajar di IPT atau seluruh pelajar kita perlu membina dan menyuburkan semangat kreatif atau keupayaan menjadi pencipta atau perekacipta. Lebih banyak bilangan pencipta, lebih kuat bangsa dan negara kita.

Penciptaan itu pula mestilah berteraskan teknologi terbaru atau sesuatu yang baru kepada tamadun hari ini.

Apa guna kita mencipta senduk daripada tempurung kerana hampir tidak ada lagi masyarakat hari ini yang mahu menggunakan teknologi berasaskan tempurung.

Teknologi orang Melayu daripada 100 tahun lalu atau sebelumnya menggunakan kayu untuk mencipta sesuatu. Orang Eropah pada mulanya turut menggunakan kayu tetapi kemudian beralih kepada besi dan kini menggunakan teknologi plastik.

Oleh itu, saya sangat tidak bersetuju dengan penulis ruangan ini yang menggelarkan diri sebagai 'Anak Melayu' yang masih mempertahankan teknologi berteraskan kayu seperti penciptaan senduk daripada tempurung, kuku kambing menggunakan kayu bercabang dan sebagainya.

Orang Melayu hari ini tidak perlu lagi berbangga dengan teknologi lama ciptaan nenek moyang kita dulu yang berteraskan kayu. Apa yang perlu kita lakukan dan bertanya kepada diri: Apakah sumbangan kita hari ini kepada kekuatan orang Melayu dan usaha menjadikan orang Melayu sebagai pemegang khilafah?

Saya turut berbangga dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana dapat melihat kepada perubahan teknologi dan penyebab kepada kekuatan bangsa, lantas beliau dengan berani mencipta atau menjana idea untuk kemajuan bangsa Melayu.

Dr Mahathir, biarpun dibenci oleh sesetengah pihak yang tidak memahami pemikiran beliau yang melangkaui dua generasi ke hadapan, terus mencadangkan pelbagai kaedah untuk memajukan bangsa Melayu.

Kereta buatan sendiri dicadangkan oleh beliau walaupun ia tidak mendatangkan keuntungan ekonomi dalam jangka pendek.

Dr Mahathir kini melangkaui ke hadapan dengan mencadangkan penciptaan enjin. Negara-negara maju seluruh dunia sekarang menjadi kuat kerana memiliki kepakaran dalam teknologi enjin sehingga dapat mencipta pelbagai jentera.

Oleh itu, prasarana untuk kita bergerak ke hadapan sudah disediakan oleh pemimpin kita yang berjiwa besar. Pelbagai peluang disediakan.

PTPTN adalah satu usaha murni untuk membolehkan lebih ramai rakyat negara ini, terutama di kalangan orang Melayu, dapat menikmati pendidikan tinggi mereka.

Hampir tiada dalam dunia hari ini yang memberi pendidikan tinggi secara percuma. Jika PTPTN ini dibuka lebih luas kepada pelajar bukan Bumiputera di IPTS, saya percaya tidak ada seorang pun di kalangan mereka yang tidak mahu mengambil kesempatan ini.

Pelajar bukan Bumiputera, terutama di kalangan orang Cina di IPTS, berusaha bersungguh-sungguh dan tanpa peduli kepada masalah remeh-temeh walaupun banyak juga di kalangan mereka tidak mendapat pinjaman PTPTN.

Memanglah tiada hak bagi kerajaan untuk meminta pelajar Melayu berterima kasih kepada mereka dengan menyediakan PTPTN. Begitu juga ibu bapa kita tidak berhak untuk meminta kita berterima kasih kepada mereka.

Belajar di universiti adalah satu peluang. Peluang yang diwujudkan kerajaan. Ia bukan lahir secara kebetulan. Belajar di universiti adalah amanah seluruh bangsa Melayu untuk menjadikan anak Melayu gagah.

Jika kita masih lagi ingin menghalalkan sikap untuk merintah atau menghalalkan tindakan menuduh pelajar Melayu lain sebagai kafir, maka selama itulah kita akan menjadi semakin berjiwa kecil dan lemah psikologi.

Oleh yang demikian, saya tetap mempertahankan pendapat saya sebelum ini bahawa bangsa Melayu tidak akan menjadi bangsa besar, yang bakal menjadi pemerintah kepada dunia, jika terus menghidap sindrom merintah.